

PENGAMALAN AGAMA BERDASARKAN KONSEP AL-FALAH TERHADAP REMAJA
RELIGIOUS PRACTICE BASED ON THE CONCEPT OF AL-FALAH FOR ADOLESCENTSNurul Ainie Nawawi^{1*}, Siti Jamiaah Abdul Jalil², Fariza Md Sham³¹Jabatan Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, ainienawawi96@gmail.com.²Pensyarah, Jabatan Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti kebangsaan Malaysia, sitijamiaah82@ukm.edu.my.³Pensyarah, Jabatan Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, farisham@ukm.edu.my

* Penulis penghubung

Artikel diterima: 22 Mac 2022

| Selepas Pembetulan: 16 April 2022

| Diterima untuk terbit: 25 Mei 2022

Abstrak

Remaja merupakan aset penting bagi mencorakkan masa hadapan negara. Pembangunan dan kemajuan sesebuah negara banyak bergantung kepada kualiti remajanya. Namun, faktor perubahan fizikal, biologi, mental, dan sosial menyebabkan mereka menghadapi cabaran mengawal dan mengekspresikan emosi mereka. Kesannya, isu sosial dan tingkah laku yang melibatkan remaja semakin bertambah dan membimbangkan. Dalam Islam, terdapat satu konsep yang menjelaskan tentang kebahagiaan dan kesejahteraan yang dikenali sebagai konsep *al-falah*. Oleh itu kajian ini dilakukan bagi mengenal pasti pembentukan remaja berdasarkan amalan konsep *al-falah*. Kajian literatur ini menggunakan metode kajian perpustakaan dan analisis kandungan ayat-ayat al-Quran. Hasil kajian mendapati remaja boleh terbina daripada pengamalan agama berdasarkan konsep *al-falah*. Amalan berdasarkan konsep *al-falah* mampu mengurangkan risiko konflik dalam kalangan remaja yang terhasil daripada kehendak nafsu yang tidak terkawal. Oleh itu, pengamalan agama berdasarkan konsep *al-falah* melalui amalan dunia dan akhirat perlu diberi penekanan dalam kehidupan remaja agar dapat membentuk peribadi yang baik.

Kata kunciRemaja, Pengamalan Agama, *Al-falah*, Dunia, Akhirat**Abstract**

Youth is an important asset in shaping the future of the country. The development and progress of a country depends a lot on the quality of its youth. However, factors of physical, biological, mental, and social change cause them to face challenges in controlling and expressing their emotions. As a result, social and behavioral issues involving adolescents are on the rise and worrying. In Islam, there is a concept that explains about happiness and well-being known as the concept of *al-Falah*. Therefore, this study was conducted to identify the formation of adolescents based on the practice of the concept of *al-Falah*. This literature review uses library research methods and content analysis of Quranic verses. The results of the study found that adolescents can be built from religious practices based on the concept of *al-Falah*. Practices based on the concept of *al-Falah* are able to reduce the risk of conflict among adolescents resulting from

uncontrolled lust. Therefore, the practice of religion based on the concept of al-falah through the practice of this world and the hereafter should be given emphasis in the lives of adolescents in order to form a good personality.

Keywords

Adolescents, Religious Practice, Al-falah, World, Hereafter

1.0 Pendahuluan

Remaja merupakan aset terpenting terhadap sesebuah negara. Pembangunan dan kemajuan negara banyak bergantung kepada produktiviti dan kualiti remajanya. Hasrat yang terkandung dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) sangat jelas iaitu melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani (JERI) berdasarkan kepercayaan kepada Tuhan. Namun, kandungan yang dilaksanakan sering dipersoalkan sejauh mana keberkesanannya kerana kes jenayah dan masalah keruntuhan akhlak remaja meningkat saban hari. Kegagalan menguruskan emosi menyebabkan remaja menghadapi masalah pengurusan emosi yang menyebabkan mereka gagal mencapai kematangan moral yang maksimum bagi menghalang diri mereka melakukan perkara yang bertentangan norma sosial (Melati dan Zaharah 2006). Kesannya, remaja melakukan pelbagai masalah sosial bagi menguruskan emosi mereka dengan cara yang tidak sepatutnya. Hal ini juga berkaitan dengan pegangan agama dan jiwa remaja itu sendiri kerana agama didapati mampu mengawal dan menahan mereka daripada melakukan perbuatan-perbuatan yang tidak sepatutnya. Menurut Khadijah et al. (2013) menyatakan seseorang individu yang mempunyai pengetahuan agama yang baik boleh memberi makna dalam diri seseorang. Begitu juga rendahnya kecenderungan pelajar untuk terlibat dalam aktiviti yang merosakkan dan tidak bermoral adalah kerana tinggi pengetahuan agamanya (fauziah et al. 2012).

Remaja mudah terjebak dengan masalah sosial kerana terpengaruh dengan rakan yang negatif berpunca daripada kurangnya amalan agama dan kurang sokongan ibu bapa dalam membimbing anak-anak memahami agama. Bahkan remaja berupaya terdedah dengan aktiviti berisiko yang boleh merosakkan jati diri dan akhlak jika mempunyai pengetahuan dan kesedaran agama yang rendah (Sharifah et al. 2010). Ibn Hazam (1989), Ibn Qayyim al-Jawziyyah (2008) dan Ibn Taimiyah (t.th) turut menyatakan bahawa peranan keimanan kepada Allah swt, mengikut panduan yang betul sebagaimana yang terdapat dalam al-Quran, mengikuti ajaran nabi dan beribadah kepada Allah swt adalah jalan yang boleh menyelamatkan manusia daripada kegelisahan serta mencapai kebahagiaan jiwa dan ketenangan hati. Namun, pengamalan agama itu sendiri terlalu luas perbincangannya.

Konsep *al-falah* didapati sangat berkaitan dan mempunyai hubungan terhadap permasalahan remaja seperti yang dijelaskan oleh HAMKA dalam tafsir Azharnya (2000) yang menyatakan bahawa *al-falah* adalah kebahagiaan yang merangkumi dunia dan akhirat. Manakala Siti Rahmatul Ummah (2018) juga menyatakan bahawa *al-falah* adalah kebahagiaan dan kebahagiaan yang hakiki dalam jiwa seseorang adalah kebahagiaan didunia dan akhirat. Oleh itu pengkaji memilih pengamalan agama

berasaskan konsep al-falah terhadap remaja agar perbincangan lebih fokus dan terarah.

2.0 Permasalahan Kajian

Isu berkenaan keruntuhan akhlak dan masalah sosial remaja sering dibincangkan. Hal ini semakin membimbangkan kerana kes-kes jenayah kebanyakannya melibatkan remaja yang masih di bangku sekolah lagi. Ini menunjukkan remaja tidak mampu membezakan perbuatan yang baik dan salah berpunca daripada kepincangan dalam proses perkembangan dan pembesaran mereka. Umumnya pada peringkat remaja ini, mereka menjalani kesukaran berhadapan dengan peralihan zaman daripada zaman kanak-kanak sehinggalah dewasa seperti perubahan fizikal, biologi, mental dan emosi serta perubahan tanggungjawab dan peranan. Dalam menyesuaikan diri terhadap perubahan-perubahan ini, mereka sering berhadapan dengan masalah dan konflik. Maka dengan sebab itulah, berlakunya tekanan emosi dalam diri remaja (Fariza Md Sham 2013).

Remaja berupaya melakukan perubahan dalam diri mereka kerana melalui proses tahap perkembangan. Pada tahap ini mereka melalui tekanan dan ribut yang memberikan kesan dalam diri mereka berpunca daripada faktor psikologi dan biologi yang berubah (Kamarul Azmi Jasmi et al. 2017). Dalam usia yang masih belum matang sepenuhnya, mereka sering dilanda dengan pelbagai tekanan dalam hidup kerana tidak mampu mengendalikan emosi dengan baik. Ada dalam kalangan mereka yang bersedia untuk berhadapan dengan masalah dan menerimanya dengan baik bahkan berjaya menerima perubahan tersebut dalam kehidupannya. Namun, berbeza bagi sesetengah daripada mereka yang tidak mampu menyesuaikan diri dengan mudah dan tidak bersedia menghadapi perubahan tersebut lalu diekspresikan melalui gangguan psikologi dalam dirinya. Keadaan ini telah menyebabkan ketegangan dan tekanan emosi pada diri mereka. Kesannya, ketidakseimbangan emosi berlaku dalam diri remaja dan mereka mula menunjukkan sikap mudah memberontak, agresif, kemurungan, marah yang tidak dikawal dan terlibat dalam masalah sosial seperti lumba haram, merokok, dan dadah bagi menghilangkan tekanan (Fariza Md Sham 2013).

Sehubungan dengan itu, banyak kajian-kajian telah dilaksanakan bagi mengekang masalah tersebut. Mustapha (2017) menjelaskan bahawa ciri-ciri ketenangan emosi dalaman, tingkah laku, keyakinan diri manusia, kebahagiaan hidup dan personaliti dipengaruhi dengan kehidupan beragama (*al-tadayyun*) yang menjadi aspek penting dalam kehidupan manusia. Hal ini kerana rata-rata responden remaja boleh terjerumus ke dalam tingkah laku yang negatif adalah kerana mempunyai tahap pengamalan agama yang rendah (Dzulhami 2014). Azzyati et. al (2013) turut menyatakan remaja yang tidak mempunyai sokongan daripada individu dan persekitaran seperti agama cenderung mempunyai tingkah laku yang bermasalah. Al-Qorni 'Aidh Abdullah (2010) turut menyatakan bahawa jiwa remaja akan lebih tenang dan membantu mereka berusaha menjadi remaja yang cemerlang apabila mereka lebih dekat dengan Allah swt. Manakala Kamarul et. al (2017) menyatakan agama adalah menjadi pemandu unggul untuk memimpin remaja ke arah destinasi yang penuh dengan kebahagiaan, kesejahteraan dan keamanan bagi menempuh perkembangan remaja yang penuh emosi dan gelombang ketegangan yang ditambah pula dengan ketidakpastian identiti. Dalam usaha membuat sesuatu penilaian dan membangun tingkah laku perlu kepada

asas dan konsep yang lebih jelas dalam konteks pendekatan agama. Namun pengamalan agama itu sendiri terlalu luas perbincangannya. Dalam Islam, terdapat satu konsep yang menjelaskan tentang kejayaan dan kebahagiaan hidup insan iaitu konsep *al-falah*. Konsep *al-falah* menjadi asas dan dasar kepada kejayaan dan kebahagiaan hidup manusia. Skop konsep ini lebih terarah berbanding konsep pengamalan agama secara umum.

3.0 Konsep *Al-Falah*

Al-falah berasal daripada kata kerja *falaha-yaflahu-fallahana-falhan* yang bermaksud memperolehi atau keberhasilan yang dikehendaki dan kejayaan. Kata *al-falah* diungkapkan dalam bentuk kata nama terbitan (*Mu'jam al- Arabian-Asasi*, 1999). Ungkapan *al-falah* diulang sebanyak 40 kali dalam al-Quran melalui tiga bentuk iaitu *fi'il madi* (perbuatan yang lalu, *fi'il mudari'* (perbuatan yang sedang atau akan berlaku) dan *isim fa'il* (kata nama pelaku). Terdapat perbezaan dalam ketiga-tiga bentuk ungkapan *al-falah* ini. Ia membincangkan tentang perkara yang pasti apabila diungkapkan dalam bentuk *fi'il madi*. Dalam konteks al-Quran, konsep *al-falah* dihubungkan secara pasti dengan kesucian hati dan keimanan. Kemudian ia membincangkan tentang kaedah mencapai *al-falah* itu sendiri ketika diungkapkan dalam bentuk *fi'il mudari'*. Seterusnya ia menghuraikan ciri-ciri mereka yang berhasil mencapai *al-falah* ketika diungkapkan dalam bentuk *fa'il* (Siti Rohmatul 2017). Manakala Hamka di dalam tafsir azhar (2000) menyatakan *al-falah* merupakan kebahagiaan yang merangkumi kebahagiaan dunia dan akhirat. Manakala Khaerul Akhbar et. al (2020) juga menyatakan *al-falah* bermaksud keberuntungan, kejayaan, kesejahteraan dan kebahagiaan yang dirasai oleh seseorang sama ada bersifat lahir dan batin di dunia dan di akhirat.

Noor Hayati (2016) turut menyatakan kejayaan adalah keuntungan, kebahagiaan hidup di dunia dan akhirat yang berasaskan kepada keimanan dan ketakwaan kepada Allah swt. Mohd Zain Mubarak (2015) juga menjelaskan konsep *al-falah* dalam al-Quran menunjukkan kejayaan kehidupan dunia dan akhirat. Kamal Hassan (2012) turut menyatakan konsep *al-falah* adalah keseimbangan yang dibentuk untuk mencapai kejayaan di dunia dan akhirat melalui penggabungan fizikal dan spiritual bahkan moral. Manakala *al-falah* dalam al-Quran menurut tafsir *fi zilal al-Quran* pula adalah menunjukkan sesuatu kejayaan yang tidak diperoleh dengan mudah namun perlu bekerja keras sebagaimana diperjuangkan oleh Rasulullah saw bersama sahabatnya dengan jiwa dan harta (1685). Sayyid Qutb juga (1685) menjelaskan *al-falah* adalah keberuntungan, kebahagiaan dan kemenangan dunia dan akhirat. Oleh itu, *al-falah* bukanlah sekadar istilah dan konsep semata-mata, ia merupakan satu bentuk pengamalan agama yang perlu diusahakan bersungguh-sungguh dan bekerja keras dalam mencapai kejayaan di dunia dan akhirat.

Melalui kajian-kajian lepas yang dilaksanakan, terdapat beberapa dapatan berkenaan *al-falah* ditemukan. Antaranya adalah menurut kajian Abdul Mukti (2020) menyatakan terdapat 23 ciri-ciri golongan *al-falah* yang disebut di dalam al-Quran iaitu mendirikan solat, taat dan beramal soleh, bertakwa kepada Allah swt, tidak memakan riba, berjihad *fi sabilillah*, tidak minum arak, tidak berjudi, tidak mensyirikkan Allah swt, tidak menilik nasib, bersyukur dengan nikmat Allah swt, menjaga pandangan dan menutup aurat, berzikir kepada Allah swt, beriman kepada perkara ghaib dan hari akhirat, bersedekah, beriman dengan kitab-kitab yang diturunkan, menyeru kepada kebajikan, menyuruh kepada makruf dan mencegah kemungkaran, mentaati Rasulullah saw, menunaikan

zakat, bertaubat, menjauhi perbuatan yang sia-sia, tidak melakukan zina dan menunaikan amanah dan janji. Kajian ini kemudiannya disimpulkan bahawa segala perkara yang menjadi asas kejayaan seorang Muslim adalah gabungan kesempurnaan akidah, syariat dan akhlak. Manakala kajian yang dilaksanakan oleh Nazneen dan Syaidatun (2019) dalam “Konsep dan Keperibadian *Al-falah* dalam Islam” pula menyatakan bahawa *al-falah* mempunyai perbincangan yang besar meliputi dunia dan akhirat. Di akhir kajian didapati hubungan antara keperibadian dan konsep *al-falah* dalam Islam turut merangkumi akidah, ibadah dan akhlak serta dakwah yang perlu dibangunkan dalam setiap diri manusia.

Kajian yang dilaksanakan oleh Siti Rohmatul (2018) dalam “Hubungan Antara *Al-Fallah* (Petani) dengan Konsep *Al-falah* dalam Al-Quran” pula menyatakan kebahagiaan seseorang itu dapat dilihat dengan menjadi orang yang berakhlak dan berbuat baik, mengajak kepada kebaikan, mencegah kemungkaran dan bermanfaat untuk orang lain. Segala perilaku ini terhasil dengan selalu mengingati Allah swt, banyak beristighfar, berzikir dan sebagainya.

Oleh yang demikian, *al-falah* tidak dapat dicapai dengan amalan akhirat sahaja, ia perlu diseimbangkan dengan amalan dunia sehingga membawa kepada pencapaian *al-falah*. Hal ini kerana amalan akhirat sahaja tidak memadai kerana kehidupan manusia meliputi hubungan dengan manusia, keselamatan dan kesejahteraan dirinya. Maka berdasarkan dapatan yang diperolehi dapat dijelaskan bahawa pengamalan agama berdasarkan konsep *al-falah* merangkumi keseimbangan dunia dan akhirat dan boleh diteliti berdasarkan dua bahagian. Iaitu amalan dunia dan amalan akhirat.

4.0 Pengamalan Agama Berdasarkan Konsep *Al-Falah* Terhadap Remaja

Pengamalan agama berdasarkan konsep *al-falah* terhadap remaja merupakan satu konsep pengamalan agama yang boleh diteliti melalui dua bahagian iaitu amalan akhirat dan amalan dunia. Amalan akhirat memberi fokus terhadap hubungan dengan Allah swt merangkumi komponen akidah, ibadah dan penyucian jiwa. Manakala amalan dunia membincangkan amalan yang fokus terhadap pengurusan dan penjagaan diri remaja di dunia merangkumi hubungan sesama manusia, keselamatan hidup dan kesejahteraan jasad.

4.1 Amalan Akhirat

4.1.1 Akidah

Memahami dasar rukun iman yang merangkumi sifat-sifat ketuhanan, kenabian dan hakikat ghaib adalah tahap pertama dalam pembangunan keimanan manusia. Beriman kepada Allah swt merupakan satu kewajipan bagi seorang remaja dengan mendalami sifat ketuhanan yang wajib, mustahil dan harus (Sohana 2010). Mengenali sifat-sifat Tuhan merupakan keutamaan keimanan yang menjadi pegangan dalam kehidupan hidup manusia. Pegangan tauhid adalah asas pembangunan, keimanan dan keyakinan terhadap kekuasaan Allah swt sebagai pencipta seluruh makhluk dan keterbatasan manusia selaku makhluk yang perlu tunduk pada peraturan-Nya. Malah beriman kepada Allah swt juga bermakna seiring dengan sendirinya menuntut keimanan terhadap malaikat, kitab, rasul, hari akhirat serta *qada'* dan *qadar*. Beriman kepada Allah dan Rasul-Nya adalah perkara asas untuk mencapai *al-falah* dalam diri remaja.

Kamarul Azmi Jasmi (2017) menyatakan faktor utama melahirkan remaja yang cemerlang adalah iman. Beliau menjelaskan lagi bahawa kemahiran utama yang perlu dikuasai oleh remaja adalah kemahiran aspek rohani iaitu memahami, mengimani, menghayati, mengamalkan dan menyampaikan segala tuntutan asas ajaran Islam yang terkandung dalam rukun Iman dan rukun Islam.

Dalam al-Quran surah A-A'raf ayat 157, Allah swt berfirman :

الَّذِينَ يَتَّبِعُونَ الرَّسُولَ النَّبِيَّ الْأُمِّيَّ الَّذِي يَجِدُونَهُ مَكْتُوبًا عِنْدَهُمْ فِي التَّوْرَةِ وَالْإِنْجِيلِ يَأْمُرُهُمْ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَاهُمْ عَنِ الْمُنْكَرِ وَيُحِلُّ لَهُمُ الطَّيِّبَاتِ وَيُحَرِّمُ عَلَيْهِمُ الْخَبَائِثَ وَيَضَعُ عَنْهُمْ إِصْرَهُمْ وَالْأَغْلَالَ الَّتِي كَانَتْ عَلَيْهِمْ فَالَّذِينَ ءَامَنُوا بِهِ وَعَزَّرُوهُ وَنَصَرُوهُ وَاتَّبَعُوا النُّورَ الَّذِي أُنزِلَ مَعَهُ ۙ أُولَٰئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ

Surah Al-A'raf (7) : 157

Maksudnya:

iaitu orang-orang yang mengikuti rasul, nabi yang ummi (tidak tahu membaca dan menulis) yang namanya mereka dapati tertulis didalam Taurat dan Injil yang ada disisi mereka, yang menyuruh mereka mengerjakan perkara makruf dan melarang mereka mengerjakan yang mungkar dan menghalalkan bagi mereka segala yang baik dan mengharamkan bagi mereka segala yang buruk dan membuang dari mereka beban-beban dan belenggu-belenggu yang ada pada mereka. Maka orang-orang yang beriman kepadanya, memuliakannya, menolongnya dan mengikuti cahaya yang terang yang diturunkan kepadanya (Al-Quran), mereka itulah orang-orang yang beruntung.

Dalam ayat ini telah dinyatakan bahawa orang-orang yang beruntung adalah mereka yang beriman kepada Nabi Muhammad serta memuliakannya dan mendukungnya dalam penyebaran agama Islam dan mengikuti cahaya yang terang iaitu al-Quran yang diturunkan kepadanya. Beriman kepada Rasulullah saw dapat ditakrifkan dengan pernyataan Ibnu Taimiyah iaitu membenarkan dan mentaatinya serta mengikuti syariatnya (Muhammad 1413 H). Allah swt berfirman dalam surah an-Nur ayat 51 :

إِنَّمَا كَانَ قَوْلَ الْمُؤْمِنِينَ إِذَا دُعُوا إِلَى اللَّهِ وَرَسُولِهِ لِيَحْكُمَ بَيْنَهُمْ أَنْ يَقُولُوا سَمِعْنَا وَأَطَعْنَا ۚ وَأُولَٰئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ

Surah Al-Nur (24) : 51

Maksudnya:

Sesungguhnya jawapan bagi orang-orang mukmin apabila dipanggil kepada Allah dan Rasul-Nya agar Rasul menghukum (mengadili) diantara mereka ialah ucapan Kami mendengar dan kami patuh. Mereka itulah orang-orang yang beruntung.

Ayat tersebut menjelaskan bahawa orang-orang mukmin yang beriman iaitu mereka yang mantap imannya. Mereka adalah golongan yang apabila dipanggil untuk melaksanakan ajaran Allah dan Rasul-Nya maka mereka akan bersikap tunduk dan patuh sebagai cerminan dari kepercayaan mereka kepada hukum Allah swt dan Rasulullah. Maka wajib ke atas diri remaja untuk mengikuti syariat yang diajarkan oleh

nabi Muhammad saw, memberi komitmen terhadap sunnahnya dan redha serta berserah kepada Allah swt sepenuhnya. Oleh itu, ia menjadi tanggungjawab bagi setiap remaja untuk mendalami ilmu tauhid bagi menyelamatkan akidah mereka daripada mudah terpesong dan tersesat.

4.1.2 Ibadah

Pembangunan akidah bukanlah hanya fokus terhadap pengertian tauhid sahaja, bahkan ia perlu dibuktikan dengan amalan ibadah dan ritual agama yang memberikan sikap positif dalam kehidupan peribadi dan masyarakat (Zakaria Stapa 1999). Ibadah terbahagi kepada dua iaitu ibadah fardu dan sunat. Pelaksanaan ibadah tidak kira fardu atau sunat mestilah dilaksanakan dengan mengikut panduan syariat seiring dengan adab-adab dalam penyempurnaannya. Penekanan aturan pembangunan ibadah dimulakan dengan *taharah* (bersuci), solat, puasa dan sebagainya (Sohana 2010). Ibadah fardu merangkumi kewajipan yang terdapat dalam rukun Islam sementara ibadah sunat adalah ibadah yang dapat memperindah kesejahteraan dan kerohanian manusia. Ia meliputi pembacaan al-Quran, wirid, zikir, solat-solat sunat, cara bersuci dan ibadah-ibadah lain.

Hanafi Mohamed (2011) menyatakan sikap umat Islam di Malaysia dalam menunaikan ajaran Islam khususnya ibadah solat kebanyakannya masih ramai yang mengabaikan sembahyang dan tidak konsisten menunaikannya setiap hari. Bagi golongan remaja pula mereka merupakan golongan yang paling ramai dalam masyarakat. Suasana kehidupan mereka pula sentiasa dipenuhi dengan pelbagai pengaruh dan cabaran yang menjejaskan maruah dan imej sebagai remaja yang beragama Islam. Maka hal berkaitan solat sepatutnya diberi keutamaan agar mereka dapat mencapai kejayaan dan kebahagiaan dalam kehidupan mereka. Pelaksanaan solat perlu diperhatikan secara teratur merangkumi waktu solat, rukun-rukunnya, dan memelihara pelaksanaan solat selagi mana mempunyai kekuatan mendirikannya. Firman Allah swt dalam surah al-Mukminun ayat 1-2:

قَدْ أَفْلَحَ الْمُؤْمِنُونَ ۝ ١ الَّذِينَ هُمْ فِي صَلَاتِهِمْ خُشِعُونَ ۝ ٢

Surah Al-Mukminun (23) : 1-2

Maksudnya:

Sesungguhnya berjayalah orang-orang yang beriman. Iaitu mereka yang khusyuk dalam sembahyangnya.

Allah swt menyatakan kepentingan solat di dalam surah al-Mukminun sebanyak dua kali di permulaan surah ini menunjukkan ketegasan dalam keutamaan solat yang menjadi perisai amalan-amalan lainnya. Menurut tafsir ayat 1-2 surah al-Mukminun, Ibnu Kathir menjelaskan bahawa beruntung itu bermaksud mereka meraih syurga kerana khusyuk dalam solatnya dengan menumpukan hati dan merendahkan diri dalam solatnya. Memberikan perhatian dan keutamaan solat berbanding dengan urusan lain. Ketika itulah terhasilnya ketenangan dan kesenangan diri (Muhammad Ali Al-Sabuni 1998). Tafsiran ini menunjukkan mereka yang khusyuk dalam solatnya akan memperoleh ketenangan dalam kehidupan mereka. Ia terbukti apabila Mohd jiran Japeri (2015) dalam kajiannya terhadap pelajar sekolah menengah di daerah Kuala Terengganu mendapati pelajar yang mempunyai akhlak yang tinggi adalah pelajar yang mempunyai pemahaman solat yang tinggi.

4.1.3 Penyucian jiwa

Pelaksanaan *tazkiyah al-nafs* adalah kesan secara langsung amalan ibadah yang menghasilkan kebaikan ke atas jiwa atau diri manusia sehingga dapat menghalang diri daripada penyakit-penyakit jiwa dan membuahkan akhlak yang mulia (Sa'id Hawa 1988). Pembangunan ibadah juga mampu menumbuhkan ketakwaan dan salah satu ciri takwa adalah berupaya memelihara diri ketika melaksanakan ibadah dan menjalani hubungan sosial sehingga dapat melahirkan individu yang soleh seterusnya mampu menghubungkan kesolehannya dengan masyarakat. *Tazkiyah al-nafs* merupakan satu konsep penyucian jiwa dan setiap manusia menginginkan kedamaian serta ketenangan jiwa. Tiada seorang pun yang menginginkan jiwa kotor dan berpenyakit kerana jiwa atau rohani itu sendiri merupakan penggerak utama fizikal dan jasmani seseorang. Allah swt berfirman dalam surah al-A'la ayat 14 dan as-Syams ayat 9 :

قَدْ أَفْلَحَ مَنْ تَزَكَّى

Surah Al-A'la (87) : 14

Maksudnya:

Sungguh beruntung orang yang menyucikan diri (dengan beriman).

قَدْ أَفْلَحَ مَنْ زَكَّاهَا

Surah Asy-Syams (91) : 9

Maksudnya:

Sungguh beruntunglah orang yang menyucikan diri sendiri (jiwa itu).

Menyucikan jiwa bermaksud membersihkannya dari kotoran maksiat, menurut hawa nafsu dan kemusyrikan. Membersihkan jiwa juga bermaksud membersihkan diri dari akhlak yang tercela (Ibnu Kathir, 1997). Penyucian jiwa terhadap diri remaja sangatlah penting bagi mendidik jiwa mereka. Hal ini kerana terdapat banyak isu-isu keruntuhan akhlak dan maksiat yang berleluasa dalam kalangan remaja. Remaja mula memberontak dan mencari kelompok yang sesuai dengan jiwa mereka sehingga akhirnya terjebak dalam pergaulan bebas yang berpunca daripada matlamat dan harapan serta peraturan yang bertentangan dengan jiwa mereka. Sehingga menyebabkan peningkatan statistik penglibatan awal usia remaja sudah terjebak dalam tingkah laku devian.

Remaja yang menyucikan diri mereka dengan membersihkannya dari sifat tercela dan menghiasinya dengan sifat terpuji (Yusuf al-Marasyali 2003) akan mudah berasa takut sehingga mendorong mereka membuat kebaikan, memberi manfaat sesama makhluk, mentaati Allah serta menjauhkan dirinya dari segala larangan dan menjauhi akhlak tercela. Penyucian jiwa akan memberikan kebahagiaan dan ketenteraman serta jiwa mereka sentiasa terdorong untuk beribadah dan menerima hidayah (petunjuk) Allah swt. Terdapat beberapa amalan penyucian jiwa iaitu :

a. Menjauhi sifat *takabbur*

Takabbur iaitu kesombongan lahir dari jiwa yang memandang rendah terhadap orang sekelilingnya. Kesombongan tersebut merangkumi ilmu yang dimiliki, keturunan, kecantikan atau kuasa, kekayaan, kekuatan fizikal, mempunyai pengikut dan sebagainya. Kesombongan tersebut mestilah dibersihkan dengan sifat *tawadhu'* (rendah diri).

b. Menjauhi sifat hasad

Hasad bermaksud mempunyai rasa kebencian dan tidak tenang terhadap nikmat Allah swt yang diperoleh oleh orang lain dan gembira apabila nikmat tersebut hilang dari mereka. Hasad dan *takabbur* merupakan penyakit rohani yang dibincangkan dalam al-Quran. Ia adalah satu penyakit yang tercela dan kesannya seseorang yang berhasad ini menentang ketentuan Allah swt (Siti Nursima dan Ahmad Najib 2017). Bagi menghilangkan sifat hasad ini, remaja mestilah memupuk rasa kasih sayang, melaksanakan kebaikan dan sering memaafkan orang lain.

c. Menjauhi sifat tamak

Tamak terhadap kebendaan dan harta akan menyebabkan hilangnya keikhlasan kepada Allah swt. Perkara yang dapat menjauhi sifat tamak adalah *qana'ah* iaitu merasa cukup dengan apa yang ada. Hamka menjelaskan *qana'ah* berbentuk bersyukur dengan apa yang ada, menerima dengan sabar atas ketentuan Allah, bertawakkal dan tidak tertarik dengan tipu daya dunia (HAMKA 1970).

d. Menjauhi sifat marah dan tunduk kepada nafsu

Menurut Mansur dan Siti Nordinar (1988) menyatakan marah adalah emosi yang mengarah kepada tingkah laku agresif yang berpunca daripada situasi yang menyebabkan kemarahan. Sifat marah dalam diri remaja akan menyebabkan mereka meninggalkan tempat tersebut atau membalas dengan kata-kata yang lebih kasar dan pedih terhadap individu yang berkaitan dengan situasi tersebut. Tindakan itu menunjukkan bagaimana situasi menentukan tahap kemarahan individu itu. Menurut dan Siti Nordinar et al. (1988) dalam Azizi Yahya (2011) menyatakan remaja semakin cepat menunjukkan tindak balas emosinya apabila semakin meningkat dewasa bagi melepaskan ketegangan emosinya serta merta. Manakala tekanan emosi yang melanda remaja juga menunjukkan reaksi yang negatif untuk menggambarkan jiwa remaja yang berada dalam keadaan tidak tenang seperti resah, gelisah, kecewa, berdukacita, sedih, menurut hawa nafsu dan melanggar perintah.

Sifat marah bukanlah suatu yang asing dalam kehidupan manusia namun sekiranya tidak dibendung dengan sebaiknya, sifat itu akan memberikan kesan negatif terhadap individu itu sendiri dan masyarakat di sekelilingnya (Safiruddin Al Baqi. 2015). Dalam hal ini, al-Ghazali telah menggariskan dua kaedah bagi menangani sifat marah iaitu melalui latihan yang berterusan dan menahan diri ketika marah dengan ilmu dan amal (al-Ghazali 2003, Nur Syazana dan Syed Hadzrullahthfi Syed Omar 2019). Manakala bagi menghilangkan ketundukan terhadap hawa nafsu adalah dengan cara memelihara diri iaitu menjauhi segala yang haram dan tidak baik terutama godaan syahwat perut dan syahwat kemaluan.

4.2 Amalan Dunia

4.2.1 Hubungan sesama manusia.

Firman Allah swt dalam surah al-Hasyr ayat 9 :

وَالَّذِينَ تَبَوَّءُوا الدَّارَ وَالْإِيمَانَ مِنْ قَبْلِهِمْ يُحِبُّونَ مَنْ هَاجَرَ إِلَيْهِمْ وَلَا يَجِدُونَ فِي
سُذُورِهِمْ حَاجَةً مِمَّا أُوتُوا وَيُؤْتُونَ عَلَى أَنْفُسِهِمْ وَلَوْ كَانَ بِهِمْ خَصَاصَةٌ ۚ وَمَنْ
يُوقَ شَحْنَنَفْسِهِ فَاُولَٰئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ

Surah Al-Hasyr (59) : 9

Maksudnya:

Dan orang-orang (Ansar) yang mendiami negeri (madinah) serta beriman sebelum mereka, mengasihi orang-orang yang berhijrah ke negeri mereka, dan tidak pula dalam hati mereka perasaan berhajatkan apa yang telah diberi kepada orang-orang yang berhijrah itu, dan mereka juga mengutamakan orang-orang yang berhijrah itu lebih daripada diri mereka sendiri, sekalipun mereka dalam keadaan kekurangan dan amat berhajat. Dan (ingatlah), sesiapa yang menjaga serta memelihara dirinya daripada dipengaruhi oleh tabiat bakhilnya, maka merekalah orang-orang yang berjaya.

Berdasarkan ayat al-Quran di atas, beberapa perkara penting yang terkandung di dalamnya iaitu kaum Ansar sangat mencintai kaum Muhajirin, mereka tidak memiliki sifat dengki dan dendam, mereka mengutamakan kepentingan kaum Muhajirin walaupun amat memerlukan harta tersebut dan Allah swt memelihara mereka dari sifat bakhil dan kikir. Begitulah rasa mengambil berat yang bertunjangkan cinta dan kasih sayang oleh kaum Ansar terhadap kaum Muhajirin yang datang ke Mekah ketika itu.

Manusia diciptakan Allah swt sebagai makhluk yang sentiasa bermuamalah, bersosial dan bermasyarakat antara satu sama lain kerana ia memerlukan manusia lain bagi kelangsungan hidup. Maka amat penting menjaga hubungan sesama manusia khususnya remaja yang melalui masa perkembangan dalam membina kehidupan. Perkara yang paling utama yang perlu dipelihara oleh remaja adalah hubungan terhadap ibu bapa. Pada waktu ini, nilai menghormati ibu bapa dalam kalangan remaja semakin pudar dan kurang dihiraukan. Penghargaan anak-anak terhadap ibu bapanya merupakan suatu yang mutlak dan mesti disempurnakan secara baik dalam apa cara sekalipun walaupun mereka berbeza agama (Semait 1991). Banyak krisis remaja dengan ibu bapa semakin merisaukan. Pelbagai tingkah laku buruk seperti mengherdik, melawan, bermusuhan kerana salah faham bahkan sehingga ada yang sanggup membunuh ibu bapa sendiri. Islam melarang keras seorang anak menyakiti ibu bapa dan mewajibkan berlaku sopan dan memberikan kasih sayang kepada mereka. Ibu bapa adalah satu susuk tubuh yang banyak mencurahkan kasih sayang sejak di dalam kandungan sehingga dewasa. Menghormati ibu bapa mempunyai kedudukan yang tinggi dalam Islam iaitu berada pada tempat kedua selepas kepercayaan kepada Allah swt. Ia terkandung di dalam al-Quran seperti yang dijelaskan dalam surah al-Isra' ayat 23 yang bermaksud: "Dan Tuhan-Mu telah memerintahkan supaya kamu jangan menyembah selain daripada-Nya dan kepada kedua ibu-bapa hendaklah kamu berbuat baik". Penekanan nilai penghormatan terhadap ibu bapa dijelaskan lagi melalui surah Luqman ayat 14 yang bermaksud "Dan kami wajibkan manusia berbuat baik kepada kedua ibu bapanya". Ayat ini dengan jelas

berkenaan perintah berbuat baik terhadap ibu bapa. Adab anak-anak terhadap ibu bapa merangkumi cara berkomunikasi, melayani dan menghormati ibu bapa menggambarkan adab kekeluargaan yang tepat dengan pembinaan konsep *mahabbah wa rahmah* dalam sistem kekeluargaan Islam. Adab-adab yang digariskan untuk seorang anak bertingkah laku terhadap orang tuanya juga meliputi mentaati dan mendengar nasihat, menyayangi dan merendah diri kepada ibu bapaya. Kekuatan yang dibina melalui hubungan yang baik antara ahli keluarga merupakan asas kepada pembentukan keluarga yang bahagia. Selain itu, hubungan remaja bukan sahaja fokus terhadap ibu bapa sahaja namun turut melibatkan orang yang lebih tua, guru dan rakan sebaya serta interaksi dengan masyarakat pelbagai agama (Bensaid et al. 2014).

Remaja *al-falah* tidak hanya memperbaiki dirinya sahaja tetapi berusaha memperbaiki manusia di sekelilingnya. Hubungan sesama manusia dalam kehidupan remaja menjadi lebih terpelihara apabila melaksanakan *amar makruf nahi mungkar*. *Amar makruf* merupakan segala perkara yang dianggap baik oleh syariat, diperintah untuk melaksanakannya serta dipuji bagi individu yang melaksanakannya. Segala bentuk ketaatan kepada Allah termasuk dalam pengertian ini. Al-makruf yang paling utama adalah mentauhidkan Allah swt dan beriman kepada-Nya. Manakala *mungkar* adalah segala perkara yang dilarang dan menyalahi syariat. Firman Allah swt dalam surah Ali Imran ayat 104:

وَلْتَكُنْ مِنْكُمْ أُمَّةٌ يَدْعُونَ إِلَى الْخَيْرِ وَيَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَأُولَٰئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ

Surah Ali Imran (3) : 104

Maksudnya : Dan hendaklah ada di antara kamu satu puak yang menyeru (berdakwah) kepada kebajikan (mengembangkan Islam), dan menyuruh berbuat segala perkara yang baik, serta melarang daripada segala yang salah (buruk dan keji). Dan mereka yang bersifat demikian ialah orang-orang yang berjaya.

Ayat ini menunjukkan golongan yang mengamalkan konsep *al-falah* mempunyai kesungguhan dalam menyuruh perkara yang *makruf* dan mencegah perkara yang mungkar serta melaksanakan aktiviti dakwah (Nazneen & Syaidatun 2019). Remaja mudah terpengaruh dengan pelbagai aksi ganas yang menular di media sosial seperti *whatsapp*, *facebook* dan *instagram* bahkan mereka mencuba aksi tersebut tanpa berfikir akan kesan negatifnya (Abd Halim & Muslaini 2018). Remaja juga mudah terpengaruh dengan pornografi yang ditularkan di media sosial. Kelemahan saringan terhadap video pornografi menyebabkan remaja mudah terdedah dengan video yang tidak bermoral dan merosakkan tingkah laku (Azizan et al 2019). Kurangnya kesedaran terhadap amalan *amar makruf nahi mungkar* menyebabkan sesama mereka dalam keadaan leka dan hanyut. Hal ini kerana pengingkaran terhadap kemungkaran hukumnya wajib, kerana mereka yang hatinya tidak mengingkari kemungkaran, menunjukkan iman telah hilang dari hatinya (Zainuddin 1422H).

Namun begitu, tanggungjawab seorang remaja bukan hanya dilihat berdasarkan seorang muslim dengan muslim sahaja, ia turut melibatkan tanggungjawab muslim terhadap jiran, dan masyarakat bukan Islam (Mashitah et al. 2009). Rasulullah saw bersabda yang bermaksud: "Perumpamaan orang-orang Mukmin dalam saling kasih

mengasihani dan sayang menyayangi umpama sebujur tubuh yang apabila salah satu anggotanya sakit, seluruh anggota tubuh yang lain turut sama merasai kesakitan tersebut” (Sahih Bukhari & Muslim, No 2442). Hubungan remaja dengan masyarakat dapat dilihat bagaimana mereka bersama orang sekelilingnya seperti jiran tetangga, rakan-rakan, saudara-mara dan masyarakat sekitarnya. Sikap saling mengenali, beramah mesra dan mengambil berat juga membantu remaja membina hubungan baik dengan masyarakat dan akhirnya membina perpaduan antara satu sama lain. Mereka mudah menyumbang tenaga dan masa terhadap aktiviti kemasyarakatan kerana mempunyai nilai ihsan, simpati dan tolong menolong terhadap manusia lain. Malah melibatkan diri dalam kerja dakwah di peringkat keluarga dan masyarakat dengan memberi kesedaran dan menjelaskan hakikat kebenaran Islam kepada mereka. Kesannya, remaja dapat dilihat sebagai pelopor kebajikan dunia kerana menatijahkan kecemerlangan melalui kemampuan mereka (Najah 2014).

Namun, remaja hari ini banyak dihadapkan dengan material dan kemewahan sehingga kadangkala gemar membandingkan diri mereka dengan orang lain. Golongan remaja didapati terlalu taksub terhadap perhatian di media sosial. Segala kemewahan, kesenangan dan kebahagiaan yang dipaparkan di medium menjadi kayu ukur kehidupannya. Kepedulian sesama manusia semakin kurang kerana sering berfikir hal-hal yang berkaitan dengan kemewahan dan material. Hal ini menyebabkan mereka menjadi kikir dan kurang peduli akan hubungan sesama manusia. Kurangnya rasa simpati, toleransi, mengambil berat, ingin berkongsi dan mementingkan diri sendiri tanpa menghiraukan orang lain semakin terlihat dalam diri remaja. Ketika mana seorang remaja mampu membuang rasa kikir dalam diri mereka, maka mereka akan meraih kebahagiaan dan keberuntungan.

4.2.2 Keselamatan hidup

Robiah (2001) dalam tulisannya berkaitan remaja dan pengurusan diri menyatakan bahawa bagi menghadapi segala unsur negatif yang menyerang emosi dan mental, kepercayaan agama adalah suatu tenaga yang paling unggul untuk mencegah dan menentangnya. Sarina (1995) pula menyatakan pendidikan agama yang diberikan sejak mereka berusia kanak-kanak berupaya membentuk perkembangan diri remaja yang mempunyai nilai murni dan positif dalam jiwa mereka. Malah pendidikan agama juga berupaya menghalang perlakuan negatif serta unsur-unsur yang bertentangan dari ajaran agama. Pandangan ini menunjukkan bahawa pentingnya pendidikan agama ke atas pembentukan akhlak dan sahsiah remaja. Golongan yang memperoleh *al-falah* terdiri daripada mereka yang menguasai ilmu pengetahuan bagi memastikan masyarakat berupaya untuk bertahan dan menyempurnakan amanah dalam kehidupannya (Hasan 1989; Nooraini 2016). Antara ilmu yang diperlukan adalah ilmu Islam secara keseluruhannya merangkumi al-Quran, al-Hadis, sirah Rasulullah saw dan sahabat, ilmu akhlak, ilmu sasaran dakwah, ilmu sejarah umum, ilmu geografi, ilmu psikologi, ilmu sosiologi, ilmu politik, kesenian dan kebudayaan, bahasa masyarakat setempat dan ilmu asas perbandingan agama (HAMKA 1987). Penguasaan ilmu-ilmu ini dilaksanakan secara kolektif yang bermaksud saling melengkapi antara satu dengan yang lain (H.Imam 2003). Melalui kefahaman yang benar terhadap pembahagian keilmuan tersebut, remaja menjadi terpimpin dalam menjalani kehidupan di dunia dan mendapat ganjaran kebahagiaan di akhirat.

Tambahan lagi kecemerlangan dunia dinilai sebagai alat bagi mencapai kecemerlangan di akhirat. Oleh itu, menuntut ilmu merupakan keutamaan remaja kerana ia merupakan wasilah untuk mencapai *al-falah* dalam kehidupan mereka. Remaja yang berilmu semestinya meninggalkan perbuatan serta perkataan yang sia-sia dan memenuhi umurnya dengan perkara yang bermanfaat. Perkara sia-sia yang dimaksudkan adalah melaksanakan perkara yang tidak dituntut agama, tiada kedudukan dalam hukum agama, perkara yang tidak bermakna dan tidak bermanfaat dalam kehidupan. Contohnya seperti bermain permainan video terlalu lama, memenuhi masa dengan hiburan yang melalaikan, membuat perkara yang melanggar peraturan, tidak menghasilkan sesuatu yang bermanfaat dan sebagainya. Islam datang dengan memberi tuntutan dan tanggungjawab dengan amalan soleh seperti pekerjaan yang sesuai, menuntut ilmu, bermanfaat lagi memenuhi syarat-syarat dan nilainya (M. Quraish Shihab 2000). Tuntutan al-Quran tidak memberikan peluang walaupun sedikit terhadap seseorang individu membuang masa tanpa sebarang perkara yang bermanfaat sepanjang umurnya dalam kehidupan.

Sehubungan dengan itu, remaja *al-falah* memiliki kesucian dirinya dan mampu mengendalikan hawa nafsunya dengan baik. Statistik yang dicatatkan masalah seksual remaja berumur 13 hingga 17 tahun sejak dua dekad yang lalu telah meningkat daripada 0.0 kepada 8.3 peratus bermula 1994 hingga tahun 2012 (Metro 2016). Manakala sebanyak 18,847 remaja yang hamil dicatatkan pada tahun 2011-2014. Angka ini bukanlah sedikit namum amat membimbangkan. Menjauhkan diri dari syahwat yang menjerumus ke arah kerosakan dan melampaui batas adalah satu kemestian yang perlu ditekankan dalam diri remaja. Kebaikan bagi seorang mukmin yang memelihara *farj* (kehormatan) adalah mereka yang terhindar daripada perkaranya yang berkaitan zina, liwat dan pelanggaran seksual yang lainnya (Iskandar 1135). Islam turut mengharamkan perkara yang menjadi penghubung kepada perzinaan. Langkah pencegahan perlu diambil terhadap aspek yang boleh merangsang nafsu seks, menimbulkan fitnah, menggoda dan pelbagai lagi perkara yang boleh menjurus ke arah perzinaan. Bahkan perzinaan boleh menyebabkan bercelarnya keturunan, mengancam dan menghancurkan institusi keluarga. Kesan yang lebih dahsyat juga akan menimpa remaja seperti menyebarkan penyakit, menghancurkan hubungan persaudaraan, nafsu liar dan kemerosotan moral (Ma Razhanlaily & Salasiah 2017).

Bagi menjauhi masalah perzinaan ini, remaja perlu menjaga pandangan mereka sama ada secara nyata atau secara maya. Remaja lelaki dan wanita dididik agar menjaga adab dan syariat apabila berhubung antara satu sama lain. Pergaulan lelaki dan perempuan mestilah mempunyai batas dan had serta berusaha tidak berhubung tanpa sebarang keperluan. Hal ini kerana larangan ini sudah tertulis didalam al-Quran melalui surah An-Nur ayat 30-31. Firman Allah swt:

قُلْ لِلْمُؤْمِنِينَ يَغُضُّوا مِنْ أَبْصَارِهِمْ وَيَحْفَظُوا فُرُوجَهُمْ ذَلِكَ أَزْكَى لَهُمْ إِنَّ اللَّهَ خَبِيرٌ بِمَا يَصْنَعُونَ ۝ ٣٠ وَقُلْ لِلْمُؤْمِنَاتِ يَغْضُضْنَ مِنْ أَبْصَارِهِنَّ وَيَحْفَظْنَ فُرُوجَهُنَّ وَلَا يُبْدِينَ زِينَتَهُنَّ إِلَّا مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَلَا يَضْرِبْنَ بِخُمُرِهِنَّ عَلَى جُيُوبِهِنَّ وَلَا يُبْدِينَ زِينَتَهُنَّ إِلَّا لِبُعُولَتِهِنَّ أَوْ آبَائِهِنَّ أَوْ آبَاءِ بُعُولَتِهِنَّ أَوْ أَبْنَائِهِنَّ أَوْ أَبْنَاءِ بُعُولَتِهِنَّ أَوْ إِخْوَانِهِنَّ أَوْ بَنِي إِخْوَانِهِنَّ أَوْ مَا مَلَكَتْ أَيْمَانُهُنَّ أَوْ التَّابِعِينَ غَيْرِ أُولِي الْإِرْبَةِ مِنَ الرِّجَالِ أَوِ الطِّفْلِ الَّذِينَ لَمْ يَظْهَرُوا عَلَى عَوْرَتِ الْنِسَاءِ وَلَا يَضْرِبْنَ بِأَرْجُلِهِنَّ لِيُعْلَمَ مَا يُخْفِينَ مِنَ زِينَتِهِنَّ وَتُوبُوا إِلَى اللَّهِ جَمِيعًا أَيُّهَ الْمُؤْمِنُونَ

Maksudnya:


Katakanlah (wahai Muhammad) kepada orang-orang lelaki yang beriman supaya mereka menyekat pandangan mereka (daripada memandang yang haram), dan memelihara kehormatan mereka. Yang demikian itu lebih suci bagi mereka, sesungguhnya Allah amat mendalam pengetahuan-Nya tentang apa yang mereka kerjakan. Dan katakanlah kepada perempuan-perempuan yang beriman supaya menyekat pandangan mereka (daripada memandang yang haram) dan memelihara kehormatan mereka, dan janganlah mereka memperlihatkan perhiasan tubuh mereka kecuali yang zahir daripadanya, dan hendaklah mereka menutup belahan leher bajunya dengan tudung kepala mereka, dan janganlah mereka memperlihatkan perhiasan tubuh mereka melainkan kepada suami mereka atau bapa mereka atau bapa mertua mereka atau anak-anak mereka atau anak bagi saudara-saudara mereka yang lelaki atau anak-anak saudara mereka bagi yang perempuan, atau perempuan-perempuan Islam, atau hamba-hamba mereka, atau orang gaji dari orang-orang lelaki yang telah tua dan tidak berkeinginan pada perempuan, atau kanak-kanak yang belum mengerti lagi tentang aurat perempuan, dan janganlah mereka menghentakkan kaki untuk diketahui orang akan apa yang tersembunyi dari perhiasan mereka dan bertaubatlah kamu sekalian kepada Allah, wahai orang-orang yang beriman, supaya kamu berjaya.

Sementara di dalam dunia maya pula, larangan di dalam ayat tersebut turut berkaitan dengan melihat dan menonton bahan pornografi seperti video klip, filem, gambar dan laman web lucah yang diperolehi melalui media sosial dan internet kerana remaja lelaki dan perempuan yang tidak menjaga pandangan tanpa sebarang keperluan boleh mendorong kepada keinginan syahwat. Pornografi adalah lebih dahsyat kesannya kerana melahirkan bayangan dan khayalan yang tidak sewajarnya sehingga boleh mencetuskan kecenderungan remaja terhadap hubungan seks, onani, seks aral dan hubungan songsang.

4.2.3 Kesejahteraan jasad.

Konsep *al-falah* turut mementingkan keseimbangan keperluan jasmani. Maka, remaja mestilah menghindari pengambilan makanan yang haram seperti arak, darah dan daging babi serta menjauhi bahan terlarang dan memudaratkan seperti dadah, rokok, *vape* dan menghidu bahan yang mengkhayalkan. Hal ini kerana kesihatan tubuh badan sangat penting bagi membantu manusia melaksanakan segala urusan kehidupannya. HAMKA menyatakan jika bahagian jasmani seseorang ditimpa penyakit seperti demam, lemah jantung dan sebagainya, ia memberi kesan terhadap rohaninya juga seperti berubah daya fikiran dari tajam kepada tumpul atau berubah dari kuat daya ingatan kepada lemah. Oleh itu, ia memberi kesan terhadap kualiti ibadah dan urusan harian manusia (HAMKA 2007; Hilmi & Fakhrul 2013). Pentingnya seseorang remaja itu memelihara jasmani mereka berdasarkan syarat utama penjagaan kesihatan yang dinyatakan oleh HAMKA iaitu badan sentiasa dalam keadaan bersih, menjaga pemakanan dan menjaga aktiviti fizikal seperti bersukan bagi menjamin badan sentiasa sihat. Penjagaan kesihatan yang baik dapat memainkan peranan aktif terhadap pembangunan agama, bangsa dan negara.

Rajah 1 Pengamalan Agama Berdasarkan Konsep Al-Falah Terhadap Remaja



Pengamalan agama berdasarkan konsep *al-falah* bukan hanya bertumpu terhadap amalan akhirat semata-mata. Namun ia tetap meliputi amalan dunia yang melengkapi kehidupan diri remaja bagi mencapai al-falah. Aspek akidah, ibadah dan penyucian jiwa adalah amalan akhirat yang menumpukan pembangunan diri remaja secara khusus terhadap hubungan dengan Allah swt. Manakala menjaga hubungan sesama manusia, menjaga keselamatan diri dan menjaga kesejahteraan jasad pula merupakan amalan dunia yang menumpukan kehidupan sosial, menjaga fizikal dan tanggungjawab di dunia. Remaja yang menjaga amalan akhirat tanpa meninggalkan amalan dunia adalah remaja yang mencapai al-falah kerana al-falah adalah keseimbangan dunia dan akhirat.

5.0 Kesimpulan

Kesimpulannya, masalah emosi dan tingkah laku remaja kebanyakannya bermula pada peringkat usia remaja dan ketika mereka di bangku sekolah lagi yang mana jika ia tidak dibendung dengan baik ia mengakibatkan kesan yang lebih besar. Pengamalan agama berasaskan konsep *al-falah* menerusi amalan di dunia dan akhirat merupakan satu cara bagi membendung masalah tersebut sewajarnya. Hal ini kerana konsep *al-falah* itu sendiri dengan jelas membawa maksud keberuntungan, kebahagiaan dan kejayaan.

Maka, individu yang melaksanakan pengamalan agama tersebut pasti mendorongnya untuk mencapai al-falah. Bagi menyelesaikan sesuatu masalah mestilah hingga ke akar umbi dan ia bermula daripada individu remaja itu sendiri untuk mendidik diri mereka agar dapat meraih *al-falah*.

6.0 Penghargaan

Penghargaan kepada Kementerian Pengajian Tinggi kerana menyediakan dana penyelidikan FRGS/1/2019/SSI03/UKM/03/2.

7.0 Rujukan

- Abd Halim, Fazlinda & Muslaini, Muhammad Siraj Munir. (2018). Impak Media Terhadap Tingkah Laku Pelajar di kolej Vokasional. *Online Journal for TVET Practioners*, 3(1).
- Abdul Mukti bin Baharuddin & Hajah Makiah Tussaripah. (2020). *Al-Falah Menurut Perspektif Al-Quran. E-Proceeding of The 2nd International Conference On Contemporary Issues in Al-Quran and Hadith (THIQAH 2020)*. 21-24 Februari. Jogjakarta Indonesia.
- Abu al-Fida, Ismail Ibn Kasir al-Quraisyi al-Damasyqi.(1997). Tafsir al-Quran al-Azim, Riyadh : *Dar 'Alam al-Kutub*.
- Al-Ghazali 2003 dalam Nur Sayzana dan Syed Hadzrullahthfi Syed Omar. (2019). Terapi Marah Berdasarkan Perspektif Al-Ghazali Menerusi Karyanya Al-Arbain Fi Usul-Din. *Proceeding of the International Conference on Islamic Civilization and Tecnology Management*. INSPIRE Unisza.
- Al-Maraghi, Ahmad bin Mustafa. (1365 H). Tafsir al-Maraghi. Mesir : *Syirkah Maktabah wa Matba'ah Mustafa al-Babi*.
- Al-Maraghi, Ahmad Mustafa, (1974 M/1394 H) Tafsir al-Maraghi, Mesir : *al-Mustafa al-Babi al-Halabi wa Auladuh*.
- Al-Marasyali, Yusuf. (2003). *Tazkiyah al-Nafsi*. Beirut : Dar al-Ma'arif.
- Al-Qorni. 'Aidh Abdullah (2010). Mendidik Remaja Muslim Menjadi Orang Beriman & Bertakwa. Kuala Lumpur. Pustakan Al-Shafa.
- Azizan, Muhammad Arifuddin, Kariya, Muhammad Azizi & Jasmi, Kamarul. (2019). Media Sosial dan Penyebaran Budaya Transeksual Menurut Islam. Kertas Kerja dibentangkan di Seminar Sains Teknologi dan Manusia 2019 (SSTM '19) DP3, N29, Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Tenaga, UTM Johor.
- Azzyati Yahya, Ahlimah Ma'alip, Shahrin Hashim, Yusof Boon & Jamaludin Ramli. (2013). *Modal Insan : Membantu Keluarga Berkesan*. Skudai, Johor Bharu: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Bensaid, B., Machouche, S.T & Grine, F. 2014. *A Qur'anic Framework For Spiritual Intelligence*. *Religions* (2014), 5, 179-198.
- Dzulhaimi Dahalan, Krauss, S.E., Azimi Hamzah & Hadi Sulaiman. (2014). Pegangan Agama dalam Kalangan Keluarga Belia Awal Pelbagai Kaum di Malaysia (*Religious and Stand Among Multi Racial early Youth in Malaysia*). *Journal of Social Science and Humanities*. 9(1), 117-130.
- Fariza Md Sham. (2013). Perkembangan Moral, Sosial Remaja dan Pendekatan Psikologi Dakwah. dlm. Fariza Md Sham, Siti Rugayah hj. Tibek, Othman Talib (pnyt). *Dakwah dan Kaunseling di Malaysia, Bangi*. Penerbit UKM.

- Fauziah Ibrahim, Norulhuda Sarnon, Khadijah Alavi, Mohd Suhaimi Mohamad, Noremy Md Akhir & Salina Nen. (2012). Memperkasakan Pengetahuan Agama Dalam Kalangan Remaja Bermasalah Tingkah Laku: Ke Arah Pembentukan Akhlak Remaja Sejahtera. *Journal of Science and Humanities*. 7. H-084-093.
- Hamka (1970). *Tasawuf Moden*. Jakarta : Pustaka Panjimas
- HAMKA. (2007). *Tasawuf Moden*. Shah Alam: Pustaka Dini.
- Hanafi Mohamed, Drs. (2006). *Hukuman Meninggalkan Sembahyang*. Kuala Lumpur : Al-Hidayah Publishers.
- Jasmi, Kamarul Azmi, Md Saleh @ Masrom, Siti Fauziyani, Razali, Siti Suraini. (2017). Peranan Islam dalam Membentuk Peribadi Remaja Cemerlang dalam Remaja Hebat Siri 2: Akhlak Sebagai Dasar Pembangunan Remaja Muslim, p. 1-18, ISBN: 978-983-12-1377-9.
- Jasmi, Kamarul Azmi. (2017). Masalah Seksual Dalam Kalangan Remaja dan Penyelesaiannya dalam Remaja Hebat Siri 4: Batasan dan Halangan Kecemerlangan, p. 35-60, ISBN: 978-983-52-1273.
- Kamarul Azmi Jasmi, Mohd Ismail Mustari, Nurul Atika Bachok @ Nong Chik. (2017). *Membina Remaja Cemerlang dengan Kerohanian*. Fakulti Tamadun Islam. UTM Press hlm 57-81
- Kamarul, Mohd Ismail Mustari, Nurul Atika. (2017). *Membina Remaja Cemerlang dengan Kerohanian*. Universiti Teknologi Malaysia.
- KKPM, Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat. (2014). *Kajian Penduduk dan Keluarga Malaysia Kelima*. Putrajaya: kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.
- Ma Razhanlaily bt Ab Razak & Salasiah Hanin Hamjah. (2017). Faktor Zina dan Kesannya dalam Kehidupan Remaja. *Jurnal Sains Islami*. UKM. Bangi.
- Mansur & Siti Nordinar dlm. Yahaya, Azizi. (2011). *Perkembangan Emosi : Remaja dan Pembentukan Konsep Kendiri*. UTM
- Mashitah Sulaiman, Mohd Azmir Mohd Nizah, Mohammad Aizuddin Abdul Aziz. (2009). *Memupuk Kesedaran Tanggungjawab Sosial Melalui Penglibatan Dalam Aktiviti Kejiranan Dari Kaca Mata Islam*. Seminar Kebangsaan Kemahiran Insaniah dan Kerja Sosial, Melaka. USIM.
- Melati Subari dan Zaharah Hussin. (2006). *Cabaran IPT Dalam Menangani Salah Laku dan Kepincangan Akhlak Mahasiswa: Tinjauan dan Cadangan*. Western Michigan University, USA.
- Metro, Harian. (2016). *Statistik Moral Remaja Kita*. Dlm. Harian Metro. Rabu, 11 Mac 2016.
- Mohd Azmi, Mohamad Rafiuddin; Kamalanathan, Sasikumar; Safar, Ajmain @ Jimaain (2019). "Media Sosial dan Generasi Muda Menurut Islam" in Jasmi, Kamarul Azmi (Ed.), *Prosiding Seminar Sains Teknologi dan Manusia 2019 (SSTM'19)* pada 15hb. 87-100
- Muhammad Ali Al-Sabuni. (1998). *Mukhtasar Tafsir Ibn Katsir*.
- Muhammad Hilmi Jalil, Fakhrol Adabi Abdul Kadir. (2013). *Kepentingan Kesihatan Diri Dalam Pembangunan Insan: Analisis Karya Falsafah HAMKA*. *Jurnal Hadhari* 5 (2): 53-66.
- Muhammad, Muhammd bin Salih. (1413 H). *Majmu' Fatawa*. Beirut ; Dar al-Wathan
- Mustapha, R. (2017). *Reka Bentuk Model Integriti Akademik Berasaskan Penghayatan Rohani*. Tesis PhD. Kuala Lumpur. Univeristi Malaya.
- Najah Nadiyah Amran. (2014). *Piety and Muslim Women: The Participation of Muslim Women in Scotland in Religious Circle As A Case Study*. Tesis Dr. Fal, Religious Studies, University of Aberdeen.

- Nazneen Ismail, Syaidatun Nazirah Abu Zahrin. (2019). Hubungan Antara Cinta Ilmu dan *Al-Falah* Menurut Al-Quran. *Jurnal Pengajian Islam*. 12. Isu II. H-192-202.
- Qutb, Sayyid. (1412 H). *Fi Zilal al-Quran*. Beirut : Dar al-Syuruq
- Qutub, Sayyid. (1998). *Fi Zilal al-Quran*, Cairo: Dar al-Syuruq.
- Robiah Kulop Hamzah. 2001. *Remaja dan Pengurusan Diri*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sa'id Hawa. (1988). *al-Mustakhlis fi Tazkiyah al-Nafs*, Kaherah: Dar al-Salam, h.27.
- Safiruddin Al Baqi. (2015). vol 23. No.1. Ekspresi Emosi Marah. *Buletin Psikologi*, 22-30
- Sarina Othman. (1995). Menangani Masalah Bohsia, Moral dan Pendidikan. 7. H. 48-50.
- Selvaratnam, D., Nor Aini & Norlaila. (2010). *Warga Emas di Malaysia: Ke Arah Kesejahteraan Ekonomi dan Sosial*. Bangi: Penerbit UKM.
- Semait, Syed Ahmad (1991). *Wasiat Luqman al-Hakim kepada Puteranya*. Singapura: Pustaka Nasional.
- Shihab, M. Quraish. (2000). *Secerah Cahaya Ilahi, Hidup Bersama Al-Quran*. Bandung. Mizan.
- Siti Nursima dan Ahmad Najib. (2017). Hasad dan Takabbur Menurut Perspektif HAMKA. Jun 2017. *Journal Al-Basirah UM*. Volume 7. hlm 71-90
- Sohana Hussin. (2010). *Kesejahteraan Dan Kedamaian Melalui Pembangunan Modal Insan: Kajian Teks Hidayah Al-Salikin*. Malaya, Kuala Lumpur.
- Zainuddin Abd Rahman bin Rajab. (1422 H). *Jami' al-Ulum wa al-Hikam*, Beirut, Muassasah al- Risalah, hlm. 245.
- Zakaria Stapa (1999). *Akidah dan Akhlak dalam Kehidupan Muslim*, Kuala Lumpur. Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd., h. 6-11